

Projek serai wangi jana pendapatan penduduk

METRO (SETEMPAH)

5/1/2015 m/s 40

ruh penduduk perumahan berkenaan.

Pelakar: Pusat Keusahawanan Universiti Malaysia Pa-
hang (UMP) memilih 11 ke-
luarga di kawasan peruma-
han bersepadu Bukit Kenau,
Pulau Manis, dekat sini, bagi
projek penanaman serai wa-
ngi yang semakin mendapat
permintaan tinggi dalam in-
dustri kosmetik negara.

Pelaksanaan projek pe-
rintis dalam tempoh tiga
bulan bermula akhir bulan
lalu itu dilihat sebagai pla-
tform dalam usaha menjana
pendapatan penduduk yang
majoritinya bergantung ke-
pada pekerjaan sendiri se-
lain tidak mempunyai pen-
dapatan tetap sejak men-
diami kawasan perumahan
berkenaan lima tahun lalu.

Bagi tujuan itu, ahli Kelab
Keusahawanan UMP de-
ngan kerjasama Kelab Enac-
tus UMP akan memantau
pelaksanaan projek itu da-
lam tempoh ditetapkan bagi
melihat hasilnya sebelum
diperluaskan kepada selu-

Surirumah Noraini Abd
Wahid, 39, gembira terpilih
peserta perintis projek ber-
kenaan.

Katanya, projek itu pasti
membantu meringankan beban kewangan terpaksa
ditanggung suami, Mohd Idris Ibrahim, 44, yang bekerja
sebagai penoreh getah dengan pendapatan kira-kira
RM800 sebulan.

Dia ditemui selepas majlis
pelancaran projek penana-
man serai wangi dan kraf
tangan jerami oleh Ahli De-
wan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Manis, Datuk
Khairuddin Mahmud di pe-
rumahan berkenaan, kel-
marin.

Hadir sama Penolong Naib
Canselor Jabatan Jaringan
Industri dan Masyarakat (JJIM)
UMP, Prof Dr Zulkifli
Yaakob dan Pengarah Pusat
Keusahawanan UMP, Prof
Dr Noor Azlinna Azizan.



KHAIRUDDIN (kanan) menanam pokok serai wangi sebagai simbolik projek penanaman serai wangi yang dikendalikan Pusat Keusahawanan UMP dan Kelab Enactus UMP di kawasan perumahan bersepadu Bukit Kenau.